Source: *Berita Harian,* p4
Date: 2 February 2016

TEMBUSI PASARAN LUAR NEGARA II

Program bolehkan firma Singapura buka niaga di Malaysia

SEBAGAI pemilik sebuah perniagaan baru atau startup, Encik Muhammad Syakir Hashim sedar bukan mudah hendak menembusi pasaran Malaysia.

Namun firmanya, Skolafund Pte Ltd, mendapat peluang apabila terpilih menjadi antara 50 perniagaan baru dari Asean menyertai program 'accelerator' atau percepat penubuhan anjuran Pusat Inovasi dan Kreativiti Global Malaysia (MaGIC) tahun lalu.

Program Accelerator MaGIC (MAP) itu dibiayai kerajaan Malaysia. Ia adalah program 'accelerator' terbesar di Asean dan bermatlamat memperkukuh syarikat Asean serta firma yang menyasarkan Asean.

Program selama empat bulan di Cyberjaya, Kuala Lumpur, itu mempunyai rakan kerjasama daripada sembilan negara Asean lain, termasuk pusat kongsi ruang kerja setempat, Impact Hub Singapore.

Hasil program itu, Encik Muhammad Syakir, 22 tahun, dan pengasas bersamanya – Tengku Ahmad Syamil Tengku Ibrahim, 24 tahun, dan Encik Wildan Zulfikar, 21 tahun – berjaya mendaftarkan syarikatnya di Malaysia dan membuka akaun bank di sana.

Firmanya mengendalikan laman web skolafund.com yang berkonsep menarik dana awam atau 'crowdfunding' bagi membiayai pengajian pelajar kurang berkemampuan.


Semasa diwawancara, Encik Muhammad Syakir, mahasiswa Universiti Nasional Singapura (NUS), berkata: "Kami pernah cuba memasuki pasaran Malaysia tetapi disebabkan tidak mempunyai banyak kenalan, ia agak mencabar.

"Jadi menerusi MAP, Pusat Asean untuk Keusahawanan (Ace) di bawah MaGIC menghubungkan kami dengan kenalan yang dapat membantu kami mendaftarkan syarikat dan membuka akaun bank."

Mereka juga berpeluang berkenalan dan menjalin kerjasama dengan pemain industri seperti Maybank Group, Universiti Tun Abdul Razak dan Universiti Islam Antarabangsa Malaysia.

Tahun ini, MAP akan mengambil dua kumpulan peserta pada Mei dan Ogos dan berharap dapat menarik lebih banyak syarikat dari Singapura, kata Pengarah Eksekutif Pengurusan Pemegang Saham dan Outreach MaGIC, Encik Ebi Azly Abdullah.

Tahun lalu, sebanyak 28 firma setempat memohon menyertai program itu, namun hanya dua dipilih.



TEMBUSI PASARAN MALAYSIA: Encik Muhammad Syakir berpeluang 'menjual' firmanya di bawah program MAP kepada pelabur dan pada masa yang sama mendapat bantuan membuka perniagaan di pasaran itu. – Foto SKOLAFUND

PROGRAM MAP

Kriteria:
- ▶ startup dari Asean atau dari negara lain mahu meneroka pasaran Asean
- ▶ mempunyai 1 hingga 3 anggota yang komited sepenuh masa selama 4 bulan di Malaysia
- ▶ startup miliki produk sedia dijual/dipasarkan
- ▶ ada potensi berkembang dan diluaskan

Manfaat program:
- ▶ tidak mengambil sebarang ekuiti
- ▶ tempat tinggal/penerbangan ulang-alik dibiayai program
- ▶ peluang belajar daripada mentor bertaraf dunia
- ▶ akses kepada rakan kerjasama di pasaran Asean

Selain Skolafund, sebuah lagi firma Singapura ysng dipilih ialah Gamurai.

"Kami bermatlamat membantu peniaga baru tanpa mengira industri dan tanpa mengambil kira sebarang ekuiti dalam perniagaan mereka.

"Kami berharap peniaga Singapura akan mengambil peluang ini untuk meningkatkan diri, mendapat mentor, pelabur dan menjalin rangkaian dengan peniaga Asean lain," kata Encik Ebi Azly.

Pengurus Program Ace, Encik Richard Ker, pula berkata sekitar 27 peratus peserta menarik pelaburan sepanjang empat bulan program itu.

"Kami akan terus berhubungan dengan kumpulan pertama untuk melihat sama ada mereka menerima pelaburan atau perlukan bantuan," ujarnya.

Skolafund pernah menarik modal permulaan $24,500 daripada firma penyedia program percepat penubuhan 'start-up' terbaik di dunia, Startupbootcamp Fintech, dan menerima modal awal $10,000 daripada NUS Enterprise.

Di Singapura, Skolafund beroperasi di ruang kongsi kerja di pusat keusahawanan tekno BASH di Blok 79 Ayer Rajah Crescent dan kini memiliki pejabat di ruang kongsi kerja di MaGIC, di Cyberjaya. ▶ **ATIYYAH MOHD SAID.**

Source: Berita Harian © Singapore Press Holdings Ltd. Permission required for reproduction.